

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Tempoh 20 hingga 24 Januari 2025

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
21.01.25 (Selasa) 10.30 pagi	Chin Teck Plantations Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2024 meningkat sebanyak 28.78% tahun ke tahun kepada RM264.86 juta (tahun kewangan 2023: RM205.67 juta), manakala keuntungan bersihnya meningkat dengan ketara sebanyak 63.66% tahun ke tahun kepada RM87.35 juta (tahun kewangan 2023: RM53.37 juta).</p> <p>Memandangkan purata harga jualan minyak sawit mentah dijangka berada dalam aliran meningkat, Chin Teck menjangkakan pendapatan perladangan yang memuaskan pada tahun kewangan 2025.</p>
21.01.25 (Selasa) 11.00 pagi	Homeritz Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2024 meningkat sebanyak 41.24% kepada RM229.72 juta (tahun kewangan 2023: RM162.64 juta) hasil daripada jumlah jualan produk yang lebih tinggi.</p> <p>Sementara itu, keuntungan sebelum cukainya meningkat 34.56% kepada RM44.93 juta (tahun kewangan 2023: RM33.39 juta), seiring dengan peningkatan pendapatan.</p>
21.01.25 (Selasa) 2.30 petang	PLB Engineering Berhad (AGM)	<p>PLB mencatatkan pendapatan berjumlah RM134.43 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024, berbanding dengan RM44.81</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>juta pada tahun sebelumnya, kedua-duanya disumbangkan oleh operasi yang berterusan.</p> <p>Bagaimanapun, PLB merekodkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM7.68 juta, yang terdiri daripada keuntungan sebelum cukai sebanyak RM10.09 juta daripada operasi yang berterusan serta kerugian sebelum cukai sebanyak RM17.78 juta daripada operasi yang dihentikan. Namun begitu, prestasi syarikat telah meningkat dengan ketara daripada kerugian sebelum cukai sebanyak RM26.67 juta pada tahun sebelumnya.</p>
<p>21.01.25 (Selasa) 3.30 petang</p>	<p>PLB Engineering Berhad (EGM)</p>	<p>PLB Terang Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat PLB Engineering Berhad hendak melepaskan 60% pegangan ekuiti dalam syarikat PLB Green Solar pada nilai RM19.8 juta. Oleh yang demikian, PLB Engineering Berhad berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham di EGM ini.</p>
<p>22.01.25 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>Matrix Concepts Holdings Berhad (EGM)</p>	<p>Matrix Concepts bercadang untuk menerbitkan sehingga 625.67 juta saham bonus. Jumlah ini berdasarkan satu saham bonus untuk setiap dua saham sedia ada, yang dipegang oleh pemegang saham berhak pada tarikh kelayakan.</p>
<p>22.01.25 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Spritzer Bhd (EGM)</p>	<p>Agenda EGM ini adalah untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi pelaksanaan terbitan bonus yang akan diagihkan berdasarkan satu saham bonus bagi setiap satu saham sedia ada yang dipegang.</p>
<p>23.01.25 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Efficient E-Solutions Berhad (EGM)</p>	<p>Efficient E-Solutions berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penubuhan Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) sehingga 10% daripada jumlah bilangan saham terbitan syarikat di sepanjang tempoh ESOS untuk mereka yang layak (Cadangan ESOS).</p> <p>Syarikat juga ingin mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan peruntukan opsyen ESOS kepada para Pengarah, pemegang saham utama syarikat</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>serta orang yang berkaitan dengan mereka termasuk pemberian opsyen ESOS kepada Tuan Haji Mokhtar Ahmad Jamaludin dan Dato' Robiah Abdul Ghani, kedua-duanya merupakan pengarah bebas Kumpulan.</p> <p>Selaras dengan tadbir urus korporat yang baik, MSWG tidak menggalakkan amalan memberikan opsyen kepada pengarah bebas kerana mereka tidak memainkan peranan eksekutif dalam syarikat, malah bertanggungjawab untuk memantau peruntukan opsyen kepada pekerja dan pengarah eksekutif.</p>
<p>23.01.25 (Khamis) 2.00 petang</p>	<p>Saudigold Group Berhad (AGM)</p>	<p>Syarikat melaporkan kerugian untuk setahun lagi, berjumlah RM6.06 juta selaras dengan pendapatan yang lebih rendah yang dicatatkan pada tahun kewangan 2024. Pendapatan yang menyusut adalah disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah untuk produk proses selanjutnya (<i>further processed products, FPP</i>) serta pemberhentian aktiviti perdagangan.</p> <p>Peningkatan dalam kos bahan mentah dan kos buruh, ditambah pula dengan pemansuhan subsidi diesel, adalah antara faktor yang menyumbang kepada keputusan negatif pada tahun kewangan 2024.</p>
<p>24.01.25 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Hextar Industries Berhad (EGM)</p>	<p>Syarikat mencadangkan jualan dan pajakan balik untuk premis industri di Cheras dan Pasir Gudang, bersama-sama dengan perjanjian penyewaan untuk sebuah kilang di Bintulu.</p> <p>Cadangan pelupusan itu bertujuan untuk menjana pendapatan daripada pelaburannya dalam hartanah di Cheras dan Pasir Gudang serta memenuhi keperluan pembiayaan Kumpulan.</p> <p>Penyewaan yang dicadangkan itu akan memastikan operasi tidak terganggu.</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
24.01.25 (Jumaat) 10.30 pagi	Astino Berhad (AGM)	<p>ASTINO merekodkan peningkatan pendapatan sebanyak 1.6% kepada RM629 juta pada tahun kewangan 2024. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan dalam volum jualan tetapi sebahagian besarnya diimbangi oleh harga jualan purata yang lebih rendah.</p> <p>Jumlah jualan meningkat 11% kepada 102,000 tan metrik. Sementara itu, margin keuntungan kasar keseluruhan meningkat kepada 15.2% daripada 13.7% setahun yang lalu, disebabkan oleh kos bahan mentah yang lebih rendah serta volum jualan yang lebih tinggi. Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan telah memperoleh tanah seluas 20.3 ekar di Selangor dengan harga RM60.2 juta untuk menampung program pengembangannya.</p>
24.01.25 (Jumaat) 10.30 pagi	Hextar Technologies Solutions Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pelupusan baki tempoh pajakan yang masih belum tamat ke atas sebahagian tanah pajakan. Pelupusan pajakan ini akan dilaksanakan oleh Channel Legion Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh Hextar Technologies Solutions Berhad kepada Pacific Trustees Berhad sebagai pemegang amanah KIP Real Estate Investment Trust.</p> <p>Tanah pajakan ini telah didirikan kilang dan pejabat di atasnya, dengan kawasan boleh disewakan seluas 193,365 kaki persegi yang akan tamat pada 11 November 2049. Jumlah pelupusan secara tunai ini berjumlah RM23.70 juta.</p>
24.01.25 (Jumaat) 3.00 petang	Hextar Capital Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan mempelbagaian kepada perniagaan sedia ada dengan memasukkan aktiviti pinjaman wang.</p> <p>Selaras dengan cadangan mempelbagaian ini, Syarikat mencadangkan untuk mengagihkan semula hasil yang akan diperolehi daripada penempatan persendirian, yang sebelum ini diperuntukkan bagi membiayai kerja-kerja kontraknya, kepada membiayai perniagaan pinjaman wang itu.</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		Cadangan mempelbagaian ini bertujuan menyediakan aliran pendapatan tambahan bagi mengurangkan pergantungan kepada perniagaan yang sedia ada.

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
Homeritz Corporation Berhad (AGM)	<p>Pada 12 Disember 2024, Lembaga Pengarah mengumumkan satu kejadian kebakaran telah berlaku pada tarikh yang sama di sebuah premis milik Embrace Industries Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Homeritz. Premis yang terjejas terletak di Lot No. 8721, PN 9639, Mukim Jalan Bakri, Daerah Muar, Negeri Johor. Kejadian itu menjejaskan salah sebuah talian penyemburan dan inventori kerja yang sedang dijalankan. Kerosakan yang dialami akibat kebakaran itu dihadkan kepada satu blok bangunan kilang perabot. (Sumber: Pengumuman Bursa bertarikh 12 Disember 2024)</p> <ol style="list-style-type: none"> Apakah punca kebakaran itu? Adakah semua aset yang terjejas telah dilindungi dengan secukupnya oleh insurans? Berapakah anggaran jumlah yang boleh dituntut daripada insurans? Sila maklumkan pemegang saham perkembangan terkini berhubung kesan insiden kebakaran tersebut dan implikasi ke atas prestasi kewangan Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2025.
PLB Engineering Berhad (AGM)	<p>Cadangan pelupusan PLB Green Solar Sdn Bhd menandakan keluarnya PLB daripada perniagaan penyediaan perkhidmatan tenaga solar. Oleh yang demikian, Kumpulan akan melupuskan Loji Solar Photovoltannya. (Halaman 13 & 28, Laporan Tahunan 2024)</p> <ol style="list-style-type: none"> Apakah kesannya terhadap jejak karbon Kumpulan pada masa hadapan? Adakah inisiatif tenaga boleh dibaharui Kumpulan seperti pemasangan panel solar serta mempromosikan penggunaan pencahayaan semula jadi melalui reka bentuk seni bina dalam projek pembangunannya pada tahun kewangan 2025, mencukupi untuk mengimbangi kesan jejak karbon Kumpulan?
Saudigold Group Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> "Pihak Pengurusan akan terus menambah baik kecekapan serta meningkatkan kapasiti pengeluarannya bagi menguasai bahagian pasaran yang lebih besar dalam segmen FPP yang telah menjana

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>lebih banyak jualan, dan meningkatkan pasaran untuk Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak. Permintaan dari Malaysia Timur meningkat kira-kira 1.5 kali ganda berbanding tahun kewangan berakhir 2023. Pada tahun kewangan yang ditinjau, Syarikat melabur untuk mengembangkan kapasiti pengeluarannya bagi membolehkan syarikat menghasilkan lebih banyak produk FPP serta memenuhi permintaan pasaran tempatan dan Malaysia Timur.” (Halaman 14, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Sila berikan pecahan jumlah jualan ke Sabah, Sarawak dan lokasi lain di Malaysia pada tahun kewangan 2022, 2023 dan 2024.</p> <p>b) Dalam jawapan kepada soalan MSWG yang dibangkitkan pada AGM 10 Januari 2024, dinyatakan bahawa pengembangan itu dijangka selesai pada separuh pertama 2024.</p> <p>Sila berikan status terkini tentang proses pengembangan itu. Apakah kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan kemudahan selepas proses ini diselesaikan?</p> <p>2. “Penurunan dalam margin untung kasar terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam kos bahan terutamanya harga ayam pada tahun kewangan berakhir 2024.” (Halaman 15, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah purata harga belian ayam sepanjang lima tahun kewangan yang lalu?</p> <p>b) Berikutan inflasi baru-baru ini, adakah Syarikat menyalurkan kenaikan kosnya kepada pengguna? Jika ya, berapakah peratusannya?</p>
Hextar Industries Berhad (EGM)	<p>1. Cadangan Pelupusan sebanyak RM4.65 juta dijangka memberikan faedah serta penjimatan kos. (Halaman 19, Pekeliling)</p> <p>Penjimatan kos daripada susut nilai Hartanah adalah item bukan tunai manakala pembayaran sewa kepada Pembeli akan mengurangkan wang tunai yang tersedia kepada Syarikat.</p> <p>a) Apakah kesannya terhadap aliran tunai Syarikat, dengan mengandaikan Cadangan Pelupusan dan Cadangan Penyewaan Hartanah ini telah diselesaikan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>b) Bagaimanakah kos pajakan jangka panjang jika dibandingkan dengan pemilikan, terutamanya dari segi beban kewangan dan fleksibiliti operasi?</p> <p>2. Apakah kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti serta menilai bakal pembeli Hartanah itu? Adakah Syarikat menggunakan proses pembidaan yang berdaya saing bagi memastikan nilai tertinggi dapat direalisasikan untuk Hartanah tersebut?</p>
Astino Berhad (AGM)	<p>Jumlah jualan Kumpulan meningkat 11% kepada 102,000 tan metrik pada tahun kewangan 2024. (Halaman 4, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah faktor utama yang mendorong pertumbuhan 11% dalam jumlah jualan? Adakah ia disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi daripada pelanggan sedia ada, pemerolehan pelanggan baharu, jangkauan pasaran yang diperluas atau faktor luaran lain?</p> <p>b) Apakah produk yang mengalami peningkatan terbesar dalam jumlah jualan?</p> <p>c) Bagaimanakah prospek permintaan untuk tahun kewangan 2025?</p>
Hextar Capital Berhad (EGM)	<p>Pelanggan yang disasarkan untuk perniagaan pinjaman wang Syarikat termasuk syarikat awam tersenarai (PLC), syarikat sendirian berhad serta individu yang bernilai tinggi. (Halaman 3, Pekeliling)</p> <p>PLC dan individu bernilai tinggi biasanya mempunyai skor kredit yang lebih baik.</p> <p>Bagaimanakah Syarikat merancang untuk menetapkan harga yang kompetitif untuk produk pinjamannya, pada masa yang sama mengekalkan margin yang mencukupi, terutamanya apabila pelanggan yang mempunyai skor kredit yang bagus (PLC dan individu bernilai tinggi) berkemungkinan mencari pilihan pembiayaan dengan kos terendah?</p>

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.